



JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 4 TAHUN 2012

Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri
PULAU PINANG

PEMANTAPAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan kepada surat Pekeliling Kewangan Negeri bil. 4 tahun 2004 mengenai Perlaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS).

2. LATAR BELAKANG

Sistem SPEKS adalah satu sistem yang telah dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara untuk semua Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia. Sistem ini telah di gunapakai di Pulau Pinang mulai 1 Januari 2004. Sistem ini di bangunkan dengan mengambilkira semua peraturan yang telah ditetapkan oleh Akta Acara Kewangan 1957 (semakan 1972).

3. PELAKSANAAN SISTEM

Semua Pegawai Pengawal serta pegawai yang telah diperturunkan kuasa untuk menggunakan sistem ini adalah tertakluk kepada peraturan serta undang-undang yang telah ditetapkan. Jabatan Kewangan Negeri akan mengeluarkan prosidur serta arahan kerja berhubung dengan penggunaan sistem ini dari masa ke semasa mengikut keperluan. Berikut adalah beberapa perkara penting yang perlu di beri perhatian.

3.1 KESELAMATAN

3.1.1 Katalaluan

- a) Kunci akses yang merupakan kunci keselamatan utama SPEKS ialah katalaluan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kepada Bendahari Negeri senarai nama pegawai yang di beri kuasa mengikut tahap proses pengurusan kewangan dan akaun untuk akses SPEKS.
- b) Katalaluan adalah kod rahsia peribadi dan tidak boleh diberikan kepada orang lain dengan apa cara jua dan katalaluan perlu ditukar sekurang-kurangnya tiga bulan sekali. Jika berlaku pertukaran / persaraan pegawai yang mempunyai kod akses SPEKS, Pegawai Pengawal hendaklah dengan serta merta memaklumkan kepada Bendahari Negeri untuk pembatalan kod pengguna berkenaan.
- c) Satu senarai nama pegawai pemegang kod akses pengguna di peringkat jabatan yang kemaskini hendaklah di simpan oleh Pegawai Pengawal.

3.1.2 Kad Kuasa

- a) Ketua Menteri dengan kuasa yang diberi mengikut mengikut Seksyen 15A Akta Acara Kewangan 1957 telah melantik Ketua-Ketua Jabatan sebagai Pegawai Pengawal bagi setiap tujuan perbelanjaan yang di peruntukkan mengikut undang-undang dalam anggaran belanjawan tahunan. Berasaskan kuasa ini, Ketua Jabatan boleh mewakilkan kuasa kepada pegawai bawahannya (AP101) bagi mengurus, memperaku dan meluluskan bayaran.
- b) Perwakilan kuasa menandatangani baucar mengikut AP 101 boleh dibuat dengan menggunakan kad khas kew. 290 atau ditaip mengikut format yang sama atas surat rasmi jabatan. Kad / surat perwakilan kuasa perlu ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan dikemukakan satu salinan kepada Bendahari Negeri.
- c) Pegawai Pengawal perlu mengemukakan kad / surat perwakilan kuasa yang baru sekiranya berlaku pertukaran / persaraan pegawai yang di berikuasa atau Pegawai Pengawal sendiri.
- d) Perwakilan kuasa kepada pegawai menandatangani baucar bayaran hendaklah selaras dengan kuasa yang di beri kepada pegawai yang menyemak dan melulus bayaran untuk akses SPEKS.

3.2 Baucar Bayaran

Baucar bayaran yang dijana secara elektronik tidak perlu di tandatangani (AP 102). Baucar bayaran hendaklah disemak dan

dilulus selepas memastikan dokumen sokongan adalah lengkap dan teratur. Satu salinan baucar bayaran perlu dicetak untuk disimpan bersama dokumen sokongan asal. Semua baucar bayaran yang diluluskan dan semua dokumen sokongan asal hendaklah dicop **"TELAH BAYAR"**.

3.3 Penyimpanan Dokumen Dan Laporan

3.3.1 Baucar bayaran bersama dokumen sokongan asal perlu disimpan dengan baik mengikut turutan nombor baucar bayaran.

3.3.2 Laporan-laporan yang dijana melalui sistem perlu difailkan mengikut penjenisan untuk memudahkan rujukan dan penyemakan.

4. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Disember 2012. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Kewangan Negeri ini, Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 tahun 2004 bertarikh 15 Oktober 2004 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah

(DATO' HAJI MOKHTAR BIN MOHD. JAIT)

Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

November 2012